

22/06/2000

Budaya terima kasih semakin hilang

KETEGASAN Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, membidas bangsa Melayu yang dikatakan sudah berubah dan hilang budaya berterima kasih selepas mengecapi nikmat kejayaan Dasar Ekonomi Baru (DEB), perlu diterima secara lebih sensitif.

Ini kerana kekayaan bangsa Melayu dengan nilai bahasa dan budaya sepatutnya menjadikan mereka lebih memahami apa yang tersirat di sebalik yang tersurat.

Bak kata Presiden Persatuan Wanita Bumiputera dalam Perniagaan dan Profesion (Peniagawati), Puan Sri Ashidah Minin, keunikan bangsa Melayu ialah keberkesanan golongan tua menasihati orang muda dengan bahasa kiasan.

Sehubungan itu, katanya, kenyataan Perdana Menteri wajar dinilai dari sudut positif menggunakan daya sensitiviti dan kearifan orang Melayu menterjemah teguran berbentuk kiasan.

"Ia umpama ubat yang pahit tetapi pahit itulah penawar. Terima kasih yang kita lihat ialah terjemahannya, iaitu menerusi perbuatan kita kerana nyata sebenarnya kita sudah menjadi orang yang tidak pandai berterima kasih," katanya.

Atas kesedaran yang sepatutnya dimiliki oleh orang Melayu, tambahnya, mereka perlu bersama-sama menerapkan nilai murni itu supaya wujud keinsafan.

Mungkinkah teguran itu turut ditujukan kepada golongan muda yang sudah hilang nilai keMelayuan?

Ashidah merumuskan: "Tidak adil juga untuk kita menyalahkan mereka kerana zaman dulu dan sekarang berbeza. Kejayaan yang datang daripada hasil usaha sendiri menjadikan seorang itu mudah bersyukur dan berterima kasih.

"Tetapi sekarang semua sudah di depan mata. Itu mungkin menjadi penyebab kepada hilangnya budaya berterima kasih. Inilah cabaran kita untuk menerapkan budaya murni ini di kalangan generasi muda kita," katanya.

Selain itu, kesetiaan, ketegasan selain berpendirian teguh menjadikan wanita golongan yang tidak mudah lupa diri, sebaliknya sentiasa menerapkan nilai murni, termasuk sifat berterima kasih kepada mereka yang sudah banyak menyumbang.

Buktinya, perubahan dalam pelbagai aspek politik, ekonomi, pendidikan dan sosial yang memberi peluang kepada pembabitan wanita tidak sekali-kali disia-siakan, sebaliknya dimanfaatkan dengan sebaik mungkin.

Ketua Jabatan Sains Politik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Rashila Ramli, berkata teori perubahan menyaksikan wanita yang dulunya dinafikan hak pendidikan kini lebih berjaya hingga menembusi dunia yang sebelumnya dimonopoli lelaki.

Bukan sekadar itu, katanya, pembabitan serta kejayaan wanita dalam bidang perniagaan turut diakui menjadi sumbangan besar kepada pembangunan dan pemulihan ekonomi negara.

Bagi mengaitkan wanita dengan nilai murni berterima kasih yang semakin pudar dalam jiwa orang Melayu sekarang, Rashila berpendapat ia perlu dibezakan berdasarkan zaman mereka dilahirkan.

"Kita perlu tengok generasi yang mana. Jika peringkat umur 45 tahun, mereka melalui zaman hidup yang susah akibat penjajahan dan terpaksa bersama-sama mengharungi perit perjuangan mendapatkan kemerdekaan.

"Bagi golongan ini, nilai terima kasih mereka masih menebal. Golongan muda sekarang pula hidup dalam keadaan berbeza di mana semua sudah

tersedia, menyebabkan mereka kurang berterima kasih," katanya.
(END)